

# PROGRAM KELESTARIAN INTEGRITI TUDM BERSAMA KELUARGA PU GONG KEDAK

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3356-program-kelestarian-integriti-tudm-bersama-keluarga-pu-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3356-program-kelestarian-integriti-tudm-bersama-keluarga-pu-gong-kedak)

GONG KEDAK, 13 Apr 18 – Pangkalan Udara Gong Kedak dan BAKAT Pangkalan dengan kerjasama Cawang Perkhidmatan-Seksyen Integriti TUDM telah menganjurkan Program Kelestarian Integriti TUDM yang telah diadakan di Dewan Puteri Pangkalan Udara Gong Kedak. Program ini dihadiri Wakil Komander Pangkalan, YBhg Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM, Pegerusi BAKAT Pangkalan, Datin Noor Suriati bin Mohd Suri, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan Anggota berserta pasangan masing-masing. Turut hadir dari Cawang Perkhidmatan Seksyen Integriti TUDM ialah Pengarah Perkhidmatan, YBhg Kol Hj Ahmad bin Yusof TUDM, PS 2 Integriti TUDM, Mej Hjh Harisah binti Hamid TUDM serta anggota Cawang Perkhidmatan-Seksyen Integriti TUDM.

Pada sesi pertama ceramah telah disampaikan oleh Pegawai Turus D13 Jabatan Siasatan Jenayah merangkap Setiausaha AMANITA Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, ASP Noor Hermarina binti Othman yang bertajuk “Pencegahan Jenayah Seksual di Kalangan Wanita dan Kanak-kanak”. Manakala Pada sesi kedua ceramah telah disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan, YBhg Kol Hj Ahmad bin Yusof TUDM yang bertajuk “Peranan Keluarga Dalam Mendukung Agenda Integriti TUDM”.

Dalam program ini juga turut disajikan dengan tayang montaj yang memaparkan fungsi dan peranan Seksyen Integriti TUDM. Program ini perlu berterusan bagi memacu pembangunan dan kelestarian budaya integriti dalam kalangan warga Pangkalan Udara Gong Kedak dan juga warga TUDM di samping meningkatkan kredibiliti warga TUDM. Selain itu juga kaunter pendaftaran dan sudut pameran dari AMANITA turut diadakan supaya ahli BAKAT boleh mengetahui lebih lanjut serta mendaftar menjadi ahli AMANITA yang berdaftar.



